

Generasi tua UMNO digesa kikis amalan memfitnah

UM 3 NOV 2002

KUALA LUMPUR 2 Nov. — Para pemimpin kanan UMNO menggesa ahli-ahli UMNO terutama generasi tua dalam parti itu mengikis tabiat buruk terutama amalan memfitnah dan tuduhan melulu sesama sendiri kerana ia boleh memusnahkan masa depan parti.

Menurut mereka, ingatan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Puteri UMNO supaya menjaui amalan-amalan buruk itu membuktikan gejala sedemikian serius di kalangan generasi tua.

Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** berkata, ingatan Perdana Menteri itu menunjukkan kekecewaannya terhadap segelintir generasi tua dalam parti itu yang mengamalkan budaya negatif untuk kepentingan diri sendiri.

Ingatan itu, menurut beliau, jelas memperlihatkan kebimbangan Dr. Mahathir terhadap gejala itu yang boleh menggelapkan masa depan UMNO. -

Presiden parti mahu gejala yang diamalkan oleh segelintir generasi tua UMNO tidak berjangkit kepada generasi pelapis ini (Puteri UMNO).

Sehubungan itu, tegas beliau, generasi lama perlu memberi teladan yang baik kepada generasi baru yang bakal menjadi pemimpin menggantikan kepimpinan hari ini.

“Jika pemimpin hari ini menunjukkan teladan yang buruk, jangan dipersalahkan pemimpin akan datang jika ia berulang,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas ingatan Dr. Mahathir kepada ahli-ahli Puteri UMNO supaya tidak mewarisi ‘penyakit’ menabur fitnah dan melemparkan tuduhan melulu yang pernah menular di kalangan generasi tua dalam UMNO.

Jika penyakit itu tidak dihindar, kata beliau, bukan sahaja masa depan Puteri UMNO akan rosak malah ia akan turut merosakkan seluruh struktur parti.

Ingatan yang disuarakan ketika merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Puteri UMNO itu semalam adalah berikutan pelbagai tuduhan dilemparkan kepada Ketua Puteri, Azalina Othman Said termasuk dikatakan terlibat dalam skandal lesbian dan menyalahgunakan kuasa dan harta Puteri.

Mengulas lanjut, Muhyiddin menegaskan, ingatan itu sebenarnya ditujukan secara tidak langsung kepada generasi lama dan bukan ditujukan kepada ahli Puteri UMNO semata-mata.

Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhammad Muhd. Taib** pula menggesa generasi lama dalam UMNO mengambil perhatian serius terhadap ingatan Presiden parti itu.

Tegas beliau, generasi tua UMNO perlu membuat pembetulan terhadap diri mereka sendiri supaya amalan buruk yang dilakukan selama ini tidak dicontohi oleh generasi muda.

Menurutnya, jika generasi tua terus mengamalkan budaya buruk, mereka umpama ‘ketam mengajar anak jalan betul’ apabila mahu menunjuk ajar ahli-ahli Puteri UMNO.

“Kita tidak mahu kesilapan yang lalu diwarisi oleh generasi hari ini agar UMNO terus relevan pada masa akan datang,” tegasnya.

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO, **Tan Sri Megat Junid Megat Ayub** menasihatkan ahli-ahli Puteri UMNO menapis perilaku generasi tua sebelum mengambil apa-apa tindakan.

Menurutnya, amalan berkempen berlebih-lebihan dan politik wang untuk merebut jawatan dalam parti tidak sewajarnya diamalkan oleh pemimpin muda hari ini.

“Ahli-ahli Puteri perlu berpegang kepada nasihat Presiden parti jika mahu memastikan pergerakan itu terus kukuh dan dihormati,” jelasnya.